

Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL): Faktor-Faktor Mempengaruhi Kemahiran Bermain Alat Muzik Dalam Kalangan Pemuzik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

Baharin Baharom, Yessy Octavia Misdi, Mahayuddin Abdul Rahim dan Mohd Nizam Nasrifan
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Abstrak: Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL) diperkenalkan untuk melahirkan pemuzik yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif untuk bermain alat muzik. Kajian ini dilakukan untuk menilai sejauh mana keberkesanan SKTL mampu melahirkan pemuzik yang kompeten dalam melaksanakan tugas. Model CIPP menggunakan teknik persampelan bertujuan melibatkan 148 pemuzik TLDM. Kaedah pengumpulan data adalah tinjauan menggunakan borang soal selidik dan temubual bersemuka mendalam. Dapatan konteks mendapati terdapat tiga perkara yang mempengaruhi kemahiran bermain alat muzik, iaitu kesesuaian kurikulum, persekitaran sekolah dan kerjasama pengusaha industri. Dapatan input pula mendapati terdapat dua perkara yang mempengaruhi kemahiran bermain muzik, iaitu kursus/latihan berkaitan muzik dan kerjasama daripada pengurusan atasan. Dapatan proses menunjukkan terdapat tiga perkara yang mempengaruhi kemahiran bermain muzik, iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran, proses pentaksiran kompetensi dan kerja-kerja amali. Dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran bermain alat muzik haruslah menggabungkan ketiga-tiga komponen CIPP.

Kata kunci: *Muzik, Pancaragam, Tentera Laut Diraja Malaysia, Model CIPP*

PENGENALAN

Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL) merupakan Standard Persendirian (SP) yang dibangunkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). SKTL memberi ruang kepada proses persijilan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan industri seperti mana yang telah dilakukan oleh Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skill Standard (NOSS)*, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia [1]. SKTL memberi panduan lengkap bagi mereka bentuk latihan, proses pengajaran dan pembelajaran, mentaksirkan dan menilai sesuatu latihan. Secara ringkasnya SKTL menggariskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh anggota TLDM dalam melaksanakan tugas. Kompetensi ini tidak dinilai semata-mata kepada

peperiksaan tetapi perlu dibuktikan ketika melakukan kerja yang sebenar setamat latihan.

Bagi bidang muzik, TLDM menggariskan tiga tahap kompetensi yang perlu dimiliki oleh anggota Pancaragam (PGM) selepas tamat mengikuti program pendidikan muzik di Sekolah Pengajian Pengurusan Muzik (SPPM), Kapal Diraja (KD) Pelandok. Tahap tersebut adalah seperti di Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Tahap Kompetensi Kepakaran PGM.

Tahap Kompetensi	Peringkat	Kompeten
Tahap 1	Operasi	Melakukan pelbagai kerja yang lazim dilakukan dan

		boleh dijangka.
Tahap 2	Operasi	Melakukan pelbagai kerja yang tidak lazim dilakukan dan autonomi.
Tahap 3	Penyeliaan	Melakukan kerja yang kompleks dan tidak lazim dilakukan. Mempunyai autonomi yang sangat tinggi dan dapat membimbing anggota lain.

Sumber: Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL), 2013 [1].

Namun, apakah standard yang diperkenalkan benar-benar berjaya melahirkan pemuzik yang mempunyai tahap kompetensi yang digariskan oleh TLDM. Perkara ini berlaku kerana standard tersebut tidak pernah dinilai keberkesannya mengikut pandangan pelatih dan jurulatih yang menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran mengikut garis panduan yang ditentukan oleh SKTL di SPPM, KD Pelandok. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL) dengan menggunakan Model CIPP (*context, input, process, product*). Pada akhirnya hasil kajian ini dapat diimplementasikan oleh TLDM untuk menambah baik SKTL yang dijalankan di SPPM, KD Pelandok.

PENILAIAN PROGRAM MENGGUNAKAN MODEL CIPP

Terdapat pelbagai kajian yang dijalankan dengan menggunakan Model CIPP dalam menilai sesuatu program. Eki Aldapit dan Suharjana Suharjana [2] mendapati masalah kekurangan kewangan, kemudahan latihan, sokongan kerajaan, tajaan, pakar kesihatan dan kemudahan menjalankan latihan menjadi faktor kegagalan menghasilkan ahli sukan yang berjaya di Daerah Istimewa Yogyakarta. Namun faktor keupayaan jurulatih menjalankan latihan

dengan baik menyumbang kepada kejayaan ahli sukan. Bulhayat [3] mendapati kejayaan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Agama Islam di Sekolah Menengah Atas Jombang didorong oleh kebijaksanaan guru membuat perancangan awal sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum yang ditetapkan oleh sekolah agama. Dhyana Sulistyawati [4] menjalankan penilaian terhadap pelaksanaan projek akhir tahun pelajar-pelajar di SMK Negeri 1 Kabupaten Sragen. Hasil kajian beliau mendapati kejayaan projek akhir tahun pelajar adalah dipengaruhi oleh rupa bentuk produk, penggunaan bahan yang menepati standard, pengorbanan guru dalam membimbing pelajar sehingga projek mereka selesai serta kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah yang menyokong kepada proses penghasilan produk. Yoga Budi Bhakti [5] mendapati kejayaan pelajar di SMP IT Raudlatul Jannah dipengaruhi oleh pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran yang mengikut kurikulum yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Gede Danu Setiawan [6] menilai program Pelayanan Bimbingan dan Konseling di SMA Negeri 2 Singaraja. Hasil kajian beliau mendapati bahawa dengan menjalankan analisis keperluan pelajar akan menghasilkan program yang lebih berkesan. Ini kerana program yang dirancang adalah menepati keperluan pelajar. Rolle [7] menyatakan bahawa semasa membuat penyusunan kurikulum pembelajaran dan pengajaran, faktor sokongan golongan atasan perlu diambil kira. Seperti di Jerman, selain mengambil kira faktor sokongan golongan atasan faktor lain yang diambil kira semasa merancang program muzik adalah keadaan semasa dan masa depan. Ini bagi memastikan kandungan dan kaedah pengajaran adalah relevan dengan keadaan semasa. Tidak dilupa, perkara lain yang perlu diambil kira adalah fasiliti sekolah termasuk bilik darjah, persekitaran sekolah dan peralatan muzik. Edgar [8] menyatakan selain kurikulum dan fasiliti sekolah, guru yang mengajar juga memainkan peranan utama dalam kejayaan murid sekolah muzik. Seorang jurulatih perlu mengambil berat keperluan pembelajaran muridnya. Mengenali minat pelatih terhadap muzik amat penting agar pelatih mampu meletakkan hati mereka kepada program muzik.

Secara keseluruhannya, daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu jelas menceritakan bahawa gabungan faktor dalam Model CIPP merupakan kunci dalam menilai kekuatan dan kelemahan dalam suatu program. Ini kerana Model CIPP mampu memberikan gambaran yang holistik berhubung dengan kekuatan dan kelemahan yang dihadapi oleh sesuatu program.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk campuran berjujukan (*explanatory sequential design*). Dalam kajian ini, rekabentuk kajian bermula dengan penggunaan pendekatan kuantitatif dahulu; iaitu menerusi kaedah tinjauan bagi mengumpulkan data primer dari sekumpulan subjek kajian, dan kemudiannya menggunakan teknik atau metod kualitatif; iaitu temubual bersemuka mendalam bagi mengeksplorasi dengan lebih mendalam dan terperinci dapatan-dapatan kuantitatif yang menonjol (outliers) yang difikirkan perlu diteliti dengan lebih mendalam. Rekabentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan atau survei dilakukan bagi mengumpul pandangan pemuzik berhubung program pendidikan muzik SKTL. Kemudiannya, pengkaji menemu bual pemuzik bagi mendapatkan pandangan dan penjelasan yang lebih mendalam serta bagi mendapatkan jawapan kepada sebarang keraguan semasa menjalankan tinjauan. Setiap pernyataan yang diberikan kepada responden memerlukan jawapan dalam bentuk pilihan jawapan secara skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Dalam artikel ini, pengkaji hanya melaporkan pernyataan yang menjadi pilihan jawapan tertinggi oleh responden kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menerangkan dengan terperinci setiap perkara yang dinilai di dalam program muzik TLDM. Perkara-perkara ini dibina berdasarkan Model CIPP yang mana pengkaji sesuaikan dengan analisis dokumen yang terdapat dalam simpanan SPPM, KD Pelandok, Pangkalan TLDM, Lumut, Perak. Hasil analisis dokumen kemudiannya digunakan untuk membina ayat-ayat pernyataan. Setiap ayat pernyataan diberikan pilihan jawapan dalam skala likert iaitu, sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Penilaian Konteks (Context Evaluations)

Penilaian konteks (context evaluations) memaparkan dapatan berkaitan kesesuaian kurikulum dengan matlamat dan objektif program, persekitaran sekolah dan kerjasama daripada pengusaha industri muzik sepanjang program dijalankan.

Kesesuaian Kurikulum

Terdapat enam belas pernyataan yang diberikan kepada responden berkaitan dengan kesesuaian kurikulum dengan matlamat dan objektif program. Hasil kajian mendapati untuk pernyataan pertama berkaitan dengan kurikulum mampu mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga mahir, 52 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan kedua berkaitan dengan kurikulum mampu mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga separa mahir, 65.5 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan ketiga adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik berkemahiran untuk mendapat pekerjaan, 79.1 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan keempat berkaitan dengan kurikulum mampu melahirkan pemuzik berkemahiran untuk bekerja sendiri, 32.4 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kelima adalah berkaitan dengan kurikulum mampu melahirkan pemuzik berkemahiran untuk meneruskan latihan ke peringkat lebih tinggi, 75 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan keenam adalah berkaitan dengan kurikulum mampu memberi peluang kepada pemuzik mengembangkan bakat dan kecenderungan yang ada dalam bidang muzik, 75 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini.

Pernyataan ketujuh adalah berkaitan dengan kurikulum mampu memberi peluang kepada pemuzik mengaplikasikan ilmu muzik menerusi aktiviti amali yang berguna dalam kehidupan seharian, 79.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kelapan adalah kurikulum mampu memberi peluang kepada pemuzik mengaplikasikan ilmu menerusi aktiviti amali yang berguna dalam alam pekerjaan, 82.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kesembilan adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik berkemahiran dan kreatif, 62.2 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kesepuluh adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik mengamalkan kerja yang baik dan selamat, 64.2 peratus responden sangat bersetuju

dengan pernyataan ini. Pernyataan kesebelas adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik menguruskan kerja dengan sempurna, 60.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kedua belas adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik mengamalkan etika kerja dan budaya kerja yang baik, 62.2 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan ketiga belas adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik berkebolehan dan bijak menggunakan sumber, 61.5 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan keempat belas adalah kurikulum mampu melahirkan pemuzik yang mempunyai skill muzik yang tinggi, 58.8 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan kelima belas adalah kurikulum mampu meningkatkan peratus penyertaan pemuzik dalam bidang muzik, 77.7 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini.

Pernyataan keenam belas adalah kurikulum mampu membuka peluang kepada semua pemuzik mengikuti muzik tanpa mengira pencapaian akademik, 82.9 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Secara keseluruhannya apabila pernyataan ini dilihat nilai min dan standard piawai menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa sistem pembelajaran dan pengajaran di SPPM, KD Pelandok menepati garis panduan kurikulum yang telah ditetapkan selaras dengan objektif kursus dan matlamat program muzik dengan nilai min 3.77 dan standard piawai 0.56.

Persekitaran Sekolah

Terdapat lapan pernyataan yang diberikan kepada responden berkaitan dengan persekitaran sekolah. Pernyataan pertama adalah sekolah mempunyai kawasan dan ruang yang mencukupi untuk bilangan pemuzik yang ada bagi menjalankan aktiviti amali dan praktikal, 83.8 responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kedua adalah sekolah mempunyai peralatan yang mencukupi untuk setiap pemuzik bagi kerja amali dan praktikal, 51.4 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan ketiga adalah sekolah mempunyai makmal untuk menjalankan kerja amali, 81.1 responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan keempat adalah sekolah mempunyai jurulatih muzik yang berkelayakan untuk mengajar, 75 peratus responden tidak pasti akan pernyataan ini. Pernyataan kelima adalah sekolah mempunyai segala kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan kemudahan jalan raya serta pengangkutan, 69.6 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan keenam adalah sekolah mempunyai

pengusaha industri yang berkaitan dengan muzik di komuniti setempat supaya dapat berkongsi kepakaran dengan jurulatih, latihan dan kemudahan kepada pemuzik, 75.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini.

Pernyataan ketujuh adalah sekolah mempunyai kelompok masyarakat tempatan yang boleh membantu sekolah dalam latihan kepada pemuzik dan berkongsi kepakaran dengan jurulatih, 62.2 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kelapan adalah sekolah terletak berdekatan dengan pusat latihan muzik supaya membantu sekolah dalam perkongsian kepakaran, latihan dan kemudahan kepada jurulatih dan pemuzik, 65.5 peratus responden setuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya apabila pernyataan ini dilihat nilai min dan standard piawai menunjukkan bahawa responden merasakan terdapat kekurangan dalam usaha menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa kepada anggota tentera yang mengikuti latihan mahupun bekerja dalam bidang muzik di TLDM dengan nilai min 2.76 dan standard piawai 1.03.

Kerjasama Pengusaha Industri

Terdapat lima pernyataan yang diberikan kepada responden berkaitan dengan kerjasama pengusaha industri. Pernyataan pertama adalah pengusaha bersedia menerima pemuzik untuk menjalani amali atau praktikal, 56.1 peratus responden tidak pasti dengan perkara ini. Pernyataan kedua adalah pengusaha memperuntukkan elaun/gaji terhadap pemuzik yang menjalani praktikal, 54.1 peratus responden juga tidak pasti dengan perkara ini. Pernyataan ketiga adalah pengusaha meluangkan masa memberi bimbingan dan tunjuk ajar, 81.8 peratus responden tidak setuju dengan perkara ini. Pernyataan keempat adalah pengusaha memberi ceramah di sekolah berkaitan dengan mata pelajaran berkaitan, 68.2 responden tidak setuju dengan perkara ini. Pernyataan kelima adalah pengusaha mempunyai kemudahan yang lengkap untuk pemuzik menjalani amali atau praktikal, 48.6 peratus responden tidak pasti dengan perkara ini. Secara keseluruhannya apabila pernyataan ini dilihat nilai min dan standard piawai menunjukkan bahawa responden tidak merasakan pengusaha industri memberikan kerjasama yang sebaiknya kepada anggota tentera untuk melahirkan anggota yang mahir dalam bidang muzik dengan nilai min 2.19 dan standard piawai 0.71.

Penilaian Input (*Input Evaluations*)

Penilaian input (*input evaluations*) menunjukkan dapatan kursus-kursus yang dijalankan oleh sekolah berkaitan muzik, kemudahan peralatan dan makmal dan kerjasama yang diberikan oleh pengurusan atasan.

Kursus/Latihan Berkaitan Muzik

Terdapat sebelas pernyataan yang diberikan kepada responden berkaitan dengan kursus/latihan berkaitan dengan muzik. Pernyataan pertama adalah kursus yang ikuti mencukupi untuk kesemua topik dalam muzik, 73.6 peratus bersetuju dengan pernyataan ini. Kedua adalah mereka selalu mengikuti kursus berkaitan muzik dari pihak sekolah, 83.8 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ketiga adalah mereka selalu mengikuti kursus berkaitan muzik dari sekolah muzik dari cabang Angkatan Tentera Malaysia, 73 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Keempat adalah mereka selalu mengikuti kursus berkaitan muzik dari pusat latihan muzik luar, 81.8 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kelima adalah mereka selalu mengikuti kursus berkaitan muzik dari kolej/universiti, 73 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Keenam adalah tenaga pengajar kursus seorang yang cekap dan berpengetahuan, 77 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ketujuh adalah tempoh kursus mencukupi untuk belajar topik kemahiran yang baru, 51.4 peratus responden tidak pasti akan perkara ini. Kelapan adalah tempat kursus bersesuaian untuk mengajar amali, 41.9 peratus responden tidak pasti akan perkara ini. Kesembilan adalah peralatan yang digunakan untuk mengajar kemahiran semasa berkursus mencukupi, 70.3 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kesepuluh adalah bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan mencukupi, 50 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kesebelas adalah mereka mendapat manfaat sepenuhnya dari setiap kursus yang dihadiri, 86.5 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya nilai min dan standard piawai kursus/latihan muzik berkaitan dengan muzik yang diterima oleh responden adalah pada tahap sederhana dengan nilai min 2.93 dan standard piawai 0.86. Ini berlaku kerana terdapat perbezaan pendapat yang begitu ketara diantara setiap pernyataan yang dijawab oleh responden.

Kerjasama Pengurusan Atasan

Terdapat lapan pernyataan yang diberikan kepada responden berkaitan dengan kerjasama pengurusan atasan. Pernyataan pertama adalah pengurusan atasan memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya di dalam menjalankan tugas, 71.6 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kedua adalah pengurusan atasan memberi perhatian dan peka terhadap keperluan peralatan dan kemudahan yang disediakan, 63.5 peratus responden tidak pasti dengan pernyataan ini. Ketiga adalah pengurusan atasan memberi peluang kepada saya mencuba idea-idea yang baru dalam pengajaran, 67.6 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Keempat adalah pengurusan atasan mampu memahami objektif dan matlamat pelaksanaan program muzik di sekolah, 86.5 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kelima adalah pengurusan atasan memberi keutamaan kepada program muzik dalam penyusunan jadual waktu, 50.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Keenam adalah pengurusan atasan mempunyai masa untuk mendengar masalah pemuzik, 62.8 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ketujuh adalah pengurusan atasan melakukan pencerapan kepada saya semasa belajar, 68.9 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kelapan adalah pengurusan atasan mengambil berat dalam segala urusan dan permasalahan yang berkaitan dengan program muzik, 46.6 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya nilai min dan standard piawai kursus/latihan muzik berkaitan dengan kerjasama pengurusan atasan adalah tinggi dengan nilai min 4.02 dan standard piawai 0.52. Ini bermaksud pengurusan atasan TLDM memberikan kerjasama yang baik dalam memastikan kejayaan program muzik di TLDM.

Penilaian Proses (*Process Evaluations*)

Penilaian proses (*process evaluations*) memaparkan dapatan kaedah pengajaran dan pembelajaran, proses pentaksiran kompetensi dan bagaimana pemantauan kerja-kerja amali kepada pelatih dilakukan.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Terdapat dua belas perkara yang disenaraikan berhubung dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran sekolah muzik TLDM. Perkara pertama adalah syarahan/penerangan, 87.8 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Kedua adalah soal jawab, 68.9 peratus responden

menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Ketiga adalah demonstrasi/tunjuk ajar 51.4 responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Keempat adalah amali, 68.9 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Keempat adalah projek, 83.1 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Kelima adalah tayangan bahan multimedia, 83.1 peratus responden menyatakan jurulatih tidak menggunakan kaedah ini. Keenam adalah kerja luar, 81.1 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Ketujuh adalah praktikum, 52.7 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Kelapan adalah lawatan, 70.9 peratus responden menyatakan jurulatih tidak menggunakan kaedah ini. Kesembilan adalah persembahan pemuzik, 60.8 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Kesepuluh adalah perbincangan kumpulan, 75 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Kesebelas adalah perbincangan kelas, 68.8 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Kedua belas adalah latihan tubi, 61.5 peratus responden menyatakan jurulatih ada menggunakan kaedah ini. Secara keseluruhannya nilai min dan standard piawai kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi dengan nilai min 3.94 dan standard piawai 0.96. Hasil ini menunjukkan kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan untuk menarik minat responden terhadap muzik.

Proses Pentaksiran Kompetensi

Terdapat sebelas pernyataan yang diberikan kepada responden berhubung dengan perkara ini. Pernyataan pertama adalah pentaksiran kompetensi sangat membantu dalam mengembangkan potensi pemuzik, 54.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kedua adalah pentaksiran kompetensi mendedahkan responden dengan kaedah mentaksir terlebih dahulu sebelum saya dinilai, 83.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ketiga adalah Ketua Jabatan/Jurulatih mempunyai tauliah sebagai pentaksir di dalam menilai kerja kursus pemuzik, 64.2 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Keempat adalah Ketua Jabatan/Jurulatih melaksanakan pentaksiran mengikut modul di peringkat pentaksiran kompetensi, 57.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kelima adalah Ketua Jabatan/Jurulatih sentiasa membantu pemuzik dalam menyelesaikan modul yang ditetapkan supaya mencapai tahap yang dikehendaki, 77.7 peratus responden bersetuju dengan

pernyataan ini. Keenam adalah Pemuzik diberi tanggung jawab dalam menyelesaikan tugas berpandukan pentaksiran tersebut, 80.4 7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ketujuh adalah Ketua Jabatan/Jurulatih melaksanakan penilaian tahap kemahiran pemuzik sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, 90.5 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kelapan adalah Ketua Jabatan/Jurulatih sentiasa memaklumkan kepada pemuzik tentang tahap kemahiran yang dikuasai, 81.8 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kesembilan adalah Kaedah pentaksiran kompetensi kepada pemuzik mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, 50 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kesepuluh adalah penyelaras dalaman dan pemantau dalaman sangat membantu sepanjang pentaksiran dijalankan, 51.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kesebelas adalah Ketua Jabatan/Jurulatih sentiasa bekerjasama dengan pemantau luar dan penyelaras luar, 76.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya nilai min dan standard piawai proses pentaksiran kompetensi adalah sederhana dengan nilai min 3.95 dan standard piawai 0.32.

Ini menunjukkan TLDM memiliki ketua yang prihatin akan keperluan responden tetapi tidak menjalankan pemantauan terhadap program muzik untuk tujuan penambahbaikan kekurangan program yang dilaksanakan.

Penilaian Produk (*Product Evaluations*)

Penilaian produk (*product evaluations*) memaparkan kesan ke atas pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM kepada kemahiran bermain muzik setiap responden yang mengikuti program di SPPM, KD Pelandok. Dapatan ini menjawab sejauh mana program ini mampu melahirkan pemuzik TLDM seperti yang digariskan dalam SKTL.

Kesan Pelaksanaan Program Muzik

Terdapat dua belas pernyataan yang diberikan kepada responden untuk melihat sejauh mana program muzik yang dilaksanakan membawa perubahan kepada kemahiran bermain muzik setiap responden yang mengikuti program di SPPM, KD Pelandok. Pertama adalah program muzik meningkatkan penguasaan pengetahuan dalam bidang muzik, 80.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kedua adalah program muzik memberikan kemahiran aplikasi

pengetahuan dalam bidang muzik, 79.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ketiga adalah program muzik menyediakan kemahiran praktikal/amali dalam bidang muzik, 81.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Keempat adalah program muzik membekalkan tenaga mahir, 56.1 peratus responden tidak pasti dengan pernyataan ini. Kelima adalah program muzik membekalkan separa mahir, 70.3 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Keenam adalah program muzik meningkatkan pemuzik berkemahiran asas untuk mendapat kerja dalam bidang muzik, 62.2 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ketujuh adalah program muzik meningkatkan pemuzik berkemahiran untuk bekerja sendiri dalam industri muzik, 66.3 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kelapan adalah program muzik Meningkatkan pemuzik berkemahiran untuk meneruskan latihan ke peringkat lebih tinggi dalam bidang muzik, 57.4 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kesembilan adalah program muzik mengembangkan bakat dan kecenderungan muzik yang berada dalam diri pemuzik, 53.4 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Kesepuluh adalah program muzik Mengaplikasikan ilmu menerusi aktiviti amali yang berguna dalam kehidupan harian, 72.3 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Sebelas adalah program muzik mengaplikasi ilmu menerusi aktiviti amali yang berguna dalam alam pekerjaan, 58.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini.

Penyataan ke dua belas adalah program muzik meningkatkan kreativiti pemuzik, 81.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke tiga belas adalah program muzik meningkatkan pemuzik mengamalkan kerja yang baik dan selamat, 50.7 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke empat belas adalah program muzik meningkatkan pemuzik mengamalkan kerja dengan sempurna, 78.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke lima belas adalah program muzik meningkatkan pemuzik mengamalkan etika kerja dan budaya kerja yang baik, 75.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke enam belas adalah program muzik meningkatkan pemuzik berkebolehan dan bijak menggunakan sumber, 75 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke tujuh belas adalah program muzik meningkatkan kesedaran pemuzik untuk menghargai seni muzik, 83.1 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke lapan

belas adalah program muzik meningkatkan kemahiran pemuzik dalam skill muzik, 82.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke sembilan belas adalah program muzik meningkatkan kemahiran berfikir, 74.3 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini.

Penyataan ke dua puluh adalah program muzik meningkatkan keyakinan diri seseorang, 87.2 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Penyataan ke dua puluh satu adalah program muzik meningkatkan pemuzik berkebolehan untuk membuat keputusan dengan bijak dan betul, 82.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya nilai min dan standard piawai kesan pelaksanaan program muzik mencatatkan nilai dengan nilai min 3.77 dan standard piawai 0.98.

Ini menunjukkan program muzik TLDM menghasilkan pemain muzik yang berkemahiran walaupun mereka tidak berpeluang untuk meningkatkan kemahiran diri melalui latihan di luar negara.

PERBINCANGAN

Matlamat SKTL adalah memberi ruang kepada proses persijilan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan industri seperti mana yang telah dilakukan oleh Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skill Standard* (NOSS), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (Buku Standard Kompetensi Tentera Laut, 2013). Hasil kajian ini yang menggunakan Model CIPP mendapati program pendidikan muzik di SPPM, KD Pelandok masih perlu ditambah baik. Kajian ini mendapati kurikulum muzik masih perlu melihat kepada dua perkara ini iaitu melahirkan pemuzik berkemahiran untuk mendapatkan pekerjaan setamat perkhidmatan dan berkemahiran untuk meneruskan latihan ke peringkat lebih tinggi. Dari segi persekitaran sekolah pula, kajian ini mendapati SPPM, KD Pelandok masih perlu melihat kepada tiga perkara iaitu menyediakan peralatan yang mencukupi untuk setiap pemuzik bagi kerja amali dan praktikal, makmal muzik yang mencukupi untuk menjalankan kerja amali dan praktikal dan jurulatih muzik yang berkelayakan untuk mengajar.

Dari segi bekerjasama dengan pengusaha industri muzik, kajian mendapati SPPM, KD Pelandok perlu bekerjasama dengan lebih dekat dengan pengusaha industri muzik. TLDM seharusnya

membuka peluang kepada pengusaha industri muzik untuk menerima pemuzik TLDM menjalani amali atau praktikal. Penerimaan pemuzik TLDM oleh pengusaha industri muzik ini merupakan satu kelebihan kepada TLDM berbanding cabang perkhidmatan muzik dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mahupun badan beruniform lain bagi memasarkan produk TLDM. TLDM juga boleh menjemput pengusaha industri untuk memberi ceramah di sekolah berkaitan dengan mata pelajaran muzik. Dapatan keseluruhan berkaitan kerjasama pengusaha industri menunjukkan responden tidak merasakan TLDM menjalankan kerjasama dengan pengusaha industri muzik.

Tinjauan ke lapangan mendapati latihan bermain alat muzik dilakukan setiap hari selama empat jam pada sesi pagi dan dua jam pada sesi petang. Dari segi kehadiran kursus/latihan berkaitan muzik, kajian ini mendapati TLDM perlu memberi kebenaran kepada pemuzik untuk mengikuti kursus/latihan muzik di kolej ataupun universiti yang diiktiraf kehebatan program muziknya. Peralatan muzik dan bahan bacaan berkaitan dengan muzik juga perlu ditambah dari masa ke semasa. Dari segi kerjasama pengurusan atasan, kajian ini mendapati pengurusan atasan telah memberi sokongan penuh kepada program yang dijalankan kecuali kepada kemudahan peralatan/makmal muzik.

Penilaian proses mendapati kaedah pembelajaran dan pengajaran perlu dimasukkan lawatan ke industri muzik dan institut pengajian tinggi yang menawarkan pengajian muzik. Lawatan ini dilihat boleh membuka peluang kepada pelatih/jurulatih terhadap kehendak dan pasaran muzik semasa.

Penilaian produk mendapati TLDM masih perlu berusaha melahirkan pemuzik TLDM yang mempunyai kemahiran asas untuk mendapat kerja dalam bidang muzik, berkemahiran untuk bekerja sendiri dalam industri muzik dan pemuzik yang boleh meneruskan latihan ke peringkat lebih tinggi dalam bidang muzik di institut pengajian tinggi awan/swasta.

Secara keseluruhannya, program muzik TLDM mampu melahirkan pemuzik yang mempunyai kemahiran bermain muzik. Walau bagaimanapun, usaha ini hanya akan dapat direalisasikan dengan melakukan penambahbaikan terhadap perkara-perkara yang telah dinilai dalam kajian ini.

CADANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap program pendidikan muzik TLDM berpandukan SKTL. Pertama, program pendidikan muzik ini perlu dijalankan analisis keperluan agar matlamat SKTL adalah seiring dengan keperluan pemuzik TLDM dan pasaran industri muzik semasa. Perkara yang perlu difokuskan adalah:

- (i) Silibus muzik: TLDM perlu menggunakan sepenuhnya silibus muzik yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan industri.
- (ii) Jurulatih: Setiap jurulatih perlu memiliki sijil muzik yang diiktiraf setaraf tahap muzik yang diajar.
- (iii) Pusat Muzik Bertauliah: SPPM, KD Pelandok perlu memperolehi pengiktirafan sebagai Pusat Muzik Bertauliah daripada JPK untuk persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kedua, kerajaan Malaysia melalui ATM perlu membuka lebih banyak peluang latihan dan kerjasama pemuzik tentera dengan industri muzik luar agar pemuzik tentera boleh meneruskan kerjaya sebagai pemuzik setamat perkhidmatan kelak.

Ketiga, pengkaji di Malaysia perlu memikirkan untuk menjalankan kajian dalam bidang muzik bukan sahaja kepada TLDM malah ATM secara amnya. Ini kerana Malaysia masih ketandusan kajian yang berkaitan dengan muzik dalam ketenteraan. Kajian pada peringkat antarabangsa seperti yang dijalankan oleh Decker [9], Hon-Lun Helan Yang [10] dan Blaženka Bačlija Susić [11] adalah lebih kepada kajian kesan muzik terhadap emosi mereka yang mendengar muzik.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan ribuan terima kasih kepada ATM terutama TLDM kerana telah menaja pengajian pengkaji sehingga berjaya terhasilnya kajian ini.

RUJUKAN

- [1] Anonymous. 2013. Buku Standard Kompetensi Tentera Laut.
- [2] Eki Aldapit dan Suharjana Suharjana. 2018. CIPP Evaluation Model For The Coaching Program Of Running Athletes. *Psychology, Evaluation, and Technology in Educational Research*.1 (2), 2019, 104-113.
- [3] Bulhayat. 2019. Evaluasi Model CIPP Pada Implementasi KTSP Pendidikan Agama Islam di Sekolah Menengah Atas Jombang. *Jurnal al-Adabiya*. 14(01), 85-102.
- [4] Dhyana Sulistyawati. 2019. Evaluasi Terhadap Hasil Proyek Tugas Akhir Jurusan Multimedia Dengan Model CIPP. *Edudikara: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*. 4(2), 99-107.
- [5] Yoga Budi Bhakti. 2017. Evaluasi Program Model CIPP Pada Proses Pembelajaran IPA. *Jurnal Inovasi Pendidikan Fisika dan Riset Ilmiah*. 1(2), 75-82.
- [6] GedeDanu Setiawan. 2019. Evaluasi Program Bimbingan Dan Konseling Dengan Model CIPP Di SMA Negeri 2 Singaraja. *Jurnal Pendidikan*. 6(1), 26-39.
- [7] Rolle, C. 2017. What Is Right? What Is Wrong? Music Education In A World Of Pluralism And Diversity. *Philosophy of Music Education*. 25(1),. 87–99.
- [8] Edgar (2018) Attracting the Next Generation of Music Educators: A Case Study of Music Education Institutional Recruiting Practices. *Contributions to Music Education*. 43, 19-37.
- [9] Decker, T. 2019. “I’m an American Soldier”: Country Music’s Envoicing of Military Men and Families after 9/11, *Journal of Musicological Research*. DOI: 10.1080/01411896.2018.1564876
- [10] Hon-Lun Helan Yang. (2019). Hearing the Second Sino-Japanese War: Musical Nationalism and Internationalism in Xian Xinghai’s Yellow River Cantata, *Journal of Musicological Research*. DOI: 10.1080/01411896.2018.1560192
- [11] Blaženka Bačlija Susić. 2018. The Relation Between Pedagogical Approaches In Music Education And Students’ Performance Anxiety. *Journal Of Elementary Education*. 11(2), 144-157.